

01/09/2003

Patriotisme mengagumkan (HL)

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kagum dengan semangat patriotik rakyat termasuk generasi muda pada sambutan Hari Kebangsaan ke-46 semalam, yang pertama kali diadakan di pusat pentadbiran Kerajaan Pusat di sini.

Sambutan itu yang disaksikan kira-kira 350,000 rakyat pelbagai lapisan serta penyertaan 22,640 orang termasuk dalam acara perarakan, juga disifatkan Perdana Menteri sebagai luar biasa dan terbesar pernah diadakan sejak kemerdekaan negara.

Bercakap kepada pemberita selepas acara perarakan itu, Dr Mahathir berkata, kehadiran yang begitu ramai memperlihatkan kesungguhan rakyat memperingati sambutan hari kemerdekaan dan menunjukkan sikap patriotik generasi muda.

"Sambutan kali ini luar biasa. Orang ramai sangat bersungguh-sungguh... ya (sambutan) yang terbesar, saya nampak pertunjukan begitu besar sekali.

"Pembabitkan (golongan muda) juga sungguh baik... nampak lebih bersemangat dan bersatu padu. Kali ini kita tengok pasukan dari Sabah dan Sarawak juga ambil bahagian dan nyanyian-nyanyian dalam semua bahasa. Saya sangat gembira," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas sambutan Hari Kebangsaan ke-46 bertemakan "Keranu Malaysia", yang diadakan di Boulevard Putrajaya sepanjang 4.2 kilometer. Ini juga adalah sambutan Hari Kebangsaan terakhirnya sebagai Perdana Menteri.

Acara sambutan bermula selepas Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid tiba ke pentas utama menaiki kereta berkuda istiadat yang diiringi unit berkuda askar Armor Diraja yang membawa panji-panji angkatan tentera.

Yang di-Pertuan Agong kemudian menerima tabik hormat dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dan memeriksa perbarisan sebelum lagu Negaraku dimainkan.

Tembakan meriam 14 das dilepaskan ketika acara menaikkan Jalur Gemilang sambil diiringi lagu Negaraku versi terbaru yang pertama kali dimainkan.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood, menteri Kabinet dan perwakilan asing. Seramai 400 wakil media dari 48 negara turut hadir bagi membuat liputan sambutan kemerdekaan itu.

Dr Mahathir tiba di Boulevard menggunakan kereta pelbagai guna (MPV) Naza Ria yang dilancarkannya minggu lalu.

Dalam acara berwarna-warni itu, Kumpulan Simfoni Rakyat membabitkan 3,000 Simfoni Gendang Rakyat Malaysia, 2,000 Kumpulan Tari dan 1,000 ahli koir mempersembahkan lagu, gerak tari dan mesej dari era Perdana Menteri pertama Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sehingga zaman pentadbiran Dr Mahathir.

Rakaman pembacaan sajak Perjuangan Yang Belum Selesai oleh Dr Mahathir turut dimainkan.

Perarakan dan sambutan kali ini dimeriahkan 64 kontinjen, 16 pancaragam sekolah dan enam pancaragam agensi kerajaan, 18 kereta berhias dan 220 pelbagai jenis kenderaan serta 20 pesawat.

Acara kemuncak sambutan adalah pertunjukan udara pesawat pejuang F-18 Skuadron ke-18 yang berpangkalan di Butterworth. Pesawat terbabit menunjukkan pelbagai keupayaan penerbangan termasuk membuat penerbangan

rendah dan formasi aerobatik yang sukar hingga mendapat tepukan gemuruh orang ramai.